

BUAT TERAKHIR KALINYA

A photograph of two hands, palms up, holding several dice. The left hand holds two blue dice, and the right hand holds two red dice. The background is dark with large, semi-transparent text.

Sejak Cadangan SCR diumumkan oleh MPH pada 28 Mei 2024, MSWG menerima pelbagai maklum balas daripada pemegang saham minoritinya yang menyuarakan kebimbangan mereka berhubung harga tawaran RM1.70, yang ditetapkan pada diskaun yang tinggi berbanding Nilai Aset Bersih (*Net Asset Value, NAV*) Syarikat.

Pemegang saham dinasihatkan supaya membincangkan cadangan itu dan melaksanakan hak mereka untuk mengundi pada EGM yang akan diadakan pada 6 September 2024.

Penswastaan MPH B Capital – Terima atau tidak?

Pada 28 Mei 2024, hartawan yang bersikap *low profile*, Tan Sri Surin Upatkoorn mencadangkan penswastaan MPH B Capital Berhad pada RM1.70 sesaham melalui pelaksanaan pengurangan modal dan pembayaran balik terpilih (*selective capital reduction and repayment*, SCR) (secara kolektif dikenali sebagai Cadangan SCR/ Tawaran) melalui syarikat tujuan khas persendiriaannya iaitu Casi Management Sdn Bhd (CMSB, Pembuat Tawaran).

Cadangan SCR ini akan menyaksikan pengurangan modal dan pembayaran balik sebanyak RM1.70 setiap satu untuk 440.07 juta saham, atau 62.68% daripada jumlah saham MPH B yang diterbitkan. CMSB dan MWE Holdings Sdn Bhd (orang yang bertindak bersama-sama CMSB dan Tan Sri Surin berhubung Cadangan SCR) secara kolektif memiliki 37.32% daripada saham MPH B.

Tan Sri Surin dan anak perempuannya memegang jawatan dalam lembaga pengarah MPH B sebagai pengerusi bukan eksekutif bukan bebas dan pengarah eksekutif (secara kolektif dirujuk sebagai Pengarah Berkepentingan).

Soalan untuk direnungkan

Secara umumnya, apabila membincangkan tentang tawaran pengambilalihan, pemegang saham minoriti perlu bertanya beberapa soalan yang berkaitan sebelum membuat keputusan sama ada untuk menerima atau tidak tawaran itu.

Apakah soalan yang perlu ditanyakan oleh pemegang saham minoriti berhubung tawaran itu?

- Apakah rasional di sebalik tawaran itu?
- Adakah harga Tawaran itu wajar dan munasabah?
- Apakah kaedah penilaian yang diguna pakai untuk menilai saham?
- Apakah pilihan yang tersedia dan apakah implikasinya terhadap pemegang saham minoriti?
- Adakah Pembuat Tawaran berhasrat untuk mengekalkan status syarikat sebagai syarikat tersenarai?

Rasional dan status penyenaian

Berhubung rasional penswastaan MPH B, CMSB berkata syarikat itu telah merekodkan kecairan dagangan yang rendah sejak lima tahun lepas, dengan purata volum dagangan harian sebanyak 160,310 saham, yang mewakili 0.04% daripada saham MPH B yang boleh didagangkan, yang terdiri daripada 388.05 juta saham. Justeru, Cadangan SCR ini akan membolehkan Pemegang Saham yang Berhak (pemegang saham selain CMSB dan MWE Holdings) merealisasikan pelaburan mereka dalam MPH B untuk dilaburkan semula di tempat lain.

Selain itu, Pembuat Tawaran juga mendakwa status penyenaian membawa manfaat yang minimum kepada Kumpulan dan pemegang sahamnya kerana MPH B tidak melaksanakan apa-apa aktiviti pengumpulan dana daripada pasaran modal sejak sedekad yang lalu. Selain itu, Syarikat juga terpaksa menanggung kos untuk mengekalkan status penyenaian serta mematuhi syarat-syarat kawal selia yang berkaitan sebagai sebuah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad.

Sehubungan itu, menurut Pembuat Tawaran, tindakan menjadikan MPH B syarikat persendirian akan memberikan lebih fleksibiliti bagi membangunkan perniagaan sedia ada tanpa sekatan peraturan, supaya dapat menghasilkan struktur operasi dan penggunaan sumber yang cekap untuk prospek dan pertumbuhan yang lebih baik pada masa hadapan.

Tan Sri Surin juga tidak berhasrat untuk mengekalkan status penyenaian MPH B di Pasaran Utama Bursa Malaysia.

Tawaran itu tidak wajar tetapi munasabah.

Sejak MPH B mengumumkan Cadangan SCR tersebut pada 28 Mei 2024, MSWG telah menerima pelbagai maklum balas daripada pemegang saham minoriti yang menyuarakan kebimbangan mereka terhadap harga tawaran, yang ditetapkan pada diskaun yang tinggi berbanding Nilai Aset Bersih (*Net Asset Value*, NAV) Syarikat.

Harga tawaran RM1.70 bagi setiap saham MPH B mewakili premium hanya 13 sen atau 8.28% berbanding dengan RM1.57, harga penutup pada 27 Mei 2024, sehari sebelum Tawaran itu dibuat kepada pemegang saham MPH B.

Melihat dari sudut lain, harga tawaran adalah pada premium 30.99% berbanding purata harga ber pasaran volum untuk tempoh tiga bulan semasa iaitu RM1.2978.

Dalam surat nasihat bebasnya (*independent advice letter*, IAL) yang bertarikh 15 Ogos 2024, penasihat bebas (*independent adviser*, IA) iaitu UOB Kay Hian Securities (M) Sdn Bhd membuat kesimpulan bahawa Cadangan SCR itu adalah **“tidak wajar tetapi munasabah.”**

IA berpandangan bahawa Cadangan SCR itu **“tidak wajar”** kerana harga tawarannya iaitu RM1.70 sesaham mewakili:

- (i) **Diskaun sebanyak 48.01%** berbanding **anggaran nilai saksama saham MPH B iaitu RM3.27 sesaham** (dikira melalui kaedah nilai aset bersih yang dinilai semula (*revalued net asset value*, RNAV))
- (ii) **Diskaun sebanyak 30.33%** kepada **aset bersih disatukan yang belum diaudit sebanyak RM2.44 sesaham** pada 31 Mac 2024.

Pada masa yang sama, IA juga menganggap Cadangan SCR itu “**munasabah**”. Ini adalah kerana ia menyediakan jalan keluar untuk pemegang saham yang tidak berkepentingan, terutamanya mereka yang memegang sejumlah besar saham MPH B, bagi merealisasikan pelaburan mereka dalam MPH B.

Faktor munasabah ini diandaikan berdasarkan pertimbangan di bawah:

- (i) **Harga pasaran saham MPH B pada masa lalu:** Saham MPH B tidak didagangkan melebihi harga tawaran SCR sepanjang tiga tahun yang lalu.
- (ii) **Kecairan dagangan saham MPH B pada masa lalu:** Volum saham MPH B yang didagangkan secara relatifnya tidak cair. Kecairan dagangan sahamnya, berdasarkan purata volum bulanan lalu yang didagangkan selama 12 bulan yang lalu sehingga Julai 2024 ialah 0.55% dan purata volum bulanan tidak termasuk *outlier* 0.32%, adalah lebih rendah daripada purata volum bulanan yang didagangkan atas apungan bebas Indeks Produk Pengguna KL (*KL Consumer Product Index*, KLCM) dan Indeks Hartanah KL (*KL Property Index*, KLPRP) masing-masing sebanyak 8.01% dan 14.93%.
- (iii) **Tiada cadangan alternatif:** MPH B masih belum menerima tawaran alternatif untuk sahamnya atau tawaran untuk memperoleh aset dan liabiliti Kumpulan MPH B.
- (iv) **Tahap kawalan pembuat tawaran, pembuat tawaran muktamad dan PAC mereka (orang yang bertindak secara bersama):** Pemegang saham yang tidak berhak dan PAC mereka hanya memegang pegangan ekuiti/ hak mengundi kira-kira 43.07% dalam MPH B. Oleh itu, pembuat tawaran, pembuat tawaran muktamad dan PAC mereka masih berada dalam kedudukan untuk mengenakan pengaruh yang ketara ke atas kedua-dua resolusi biasa dan resolusi khas yang dibentangkan pada mesyuarat agung syarikat.

Sehubungan itu, UOB KayHian mengesyorkan supaya **Pemegang Saham yang Berhak mengundi memihak kepada Resolusi Khas berhubung Cadangan SCR** yang akan dibentangkan pada mesyuarat agung luar biasa (EGM) yang akan diadakan secara fizikal pada 6 September 2024.

Walau bagaimanapun, IA menyatakan sebagai kaveat bahawa keputusan itu bergantung sepenuhnya pada kesanggupan pemegang saham menanggung risiko, keutamaan khusus serta jangkaan prestasi terhadap masa depan MPH B.

Syor pengarah

Setelah mempertimbangkan kesemua aspek Cadangan SCR, Lembaga Pengarah MPH B (kecuali Pengarah Berkepentingan) bersetuju dengan penilaian dan pengesyoran IA bahawa cadangan SCR itu dianggap sebagai “tidak wajar tetapi munasabah”.

Lembaga Pengarah mengesyorkan pemegang saham supaya mengundi menyokong Resolusi Khas yang melibatkan pelaksanaan Cadangan SCR. Menurut MPH B, tiga

daripada pengarah bebas bukan eksekutif (*independent non-executive directors*, INED), iaitu Datuk Seri Lim Tiong Chin, Kuah Hun Liang dan Ng Siew Hong, telah menyatakan hasrat untuk mengundi menyokong Resolusi Khas itu, berdasarkan pegangan saham mereka dalam MPH B.

Demi menjayakan langkah penswastaan, cadangan itu hendaklah diluluskan oleh sekurang-kurangnya majoriti pemegang saham yang tidak berkepentingan dalam jumlah dan 75% dalam nilai secara peribadi atau melalui proksi pada EGM 6 September ini. Ia juga tidak boleh diundi menentang oleh lebih daripada 10% daripada pemegang saham yang tidak berkepentingan. CMSB, Tan Sri Surin dan PAC tidak akan mengundi untuk Cadangan SCR itu.

Cadangan Variasi

Kami ingin menarik perhatian kepada cadangan variasi penggunaan hasil daripada pelupusan oleh Multi-Purpose Capital Holdings Berhad, sebuah anak syarikat milik penuh MPH B, untuk 51% kepentingan ekuiti dalam MPI Generali Insurans Berhad untuk RM522.06 juta (secara kolektif dirujuk sebagai Cadangan Variasi).

Pelupusan itu telah selesai pada 30 Ogos 2022. Pada mulanya, kira-kira RM160.80 juta daripada hasil pelupusan yang berjumlah RM522.06 juta telah diperuntukkan untuk peluang pelaburan dan/ atau pemerolehan tanah bagi menyokong pengembangan perniagaan hartanah MPH B. Sehingga 31 Mac 2024, kira-kira 20.42 % atau RM106.63 juta daripada hasil pelupusan masih belum digunakan.

Memandangkan masih belum ada peluang pelaburan dan pemerolehan yang sesuai, Lembaga Pengarah telah memutuskan untuk melaksanakan Cadangan Variasi dengan menggunakan hasil pelupusan yang belum digunakan untuk membiayai sebahagian daripada Cadangan SCR.

Cadangan Variasi ini akan dikemukakan untuk kelulusan pemegang saham yang tidak berkepentingan pada EGM yang akan datang.

Cadangan Variasi ini adalah tertakluk pada kelulusan pemegang saham MPH B yang tidak berkepentingan pada EGM yang akan datang. Perlu diingat bahawa syarat untuk Cadangan SCR dan Cadangan Variasi adalah saling berkait. Jika pemegang saham MPH B yang tidak berkepentingan mengundi menentang Cadangan Variasi dan resolusi tersebut tidak diluluskan pada EGM yang akan datang, maka Cadangan SCR tidak akan dilaksanakan atas sebab syaratnya yang saling berkait dengan Cadangan Variasi. Pemegang saham minoriti yang ingin mengundi menyokong Cadangan SCR juga perlu mengundi Cadangan Variasi.

Pandangan kami

Langkah penswastaan itu mengingatkan kami kepada pelaksanaan korporat yang serupa yang dilaksanakan oleh Tan Sri Surin dengan MWE Holdings Berhad pada tahun 2018.

Pelaksanaan itu menyaksikan beliau menjadikan syarikat pembuat pakaian dan pemaju hartanah itu syarikat persendirian pada RM1.75 sesaham melalui SCR dan skim pembayaran balik. Langkah ini menandakan percubaan kedua untuk menswastakan MWE, selepas percubaan yang gagal pada 2015, pada harga RM1.70 sesaham.

Mengimbas kembali, harga tawaran RM1.75 untuk satu saham MWE mewakili diskaun yang ketara iaitu 36.8% berbanding nilai aset bersih (NAV) iaitu RM2.77 sesaham. Selain itu, tawaran telah ditetapkan pada 37.18% (RM1.04) dan didiskaun 43.72% (RM1.36) kepada anggaran nilai saksama masing-masing iaitu RM2.79 dan RM3.11 sesaham, seperti yang dinilai oleh IA iaitu M&A Securities.

Walaupun pelaksanaan itu dianggap “tidak wajar tetapi munasabah”, namun M&A Securities masih mengesyorkan supaya pemegang saham mengundi menyokong SCR. Berikutan itu, MWE telah dinyahsenarai daripada Bursa Malaysia pada 11 Oktober 2018 apabila SCR dan skim pembayaran balik itu berjaya melaksanakan.

MPHB dan MWE berkongsi beberapa persamaan: kedua-duanya didagangkan secara tipis dan tidak mencetuskan keterujaan sebelum tawaran penswastakan dibuat. Selain itu, kedua-dua bidaan telah ditetapkan pada diskaun yang besar berbanding NAV masing-masing.

Disebabkan itu, MSWG bertemu dengan pengarah bebas MPHB pada 5 Julai 2024 untuk menyampaikan kebimbangan dan maklum balas pemegang saham minoriti berhubung harga tawaran Cadangan SCR, yang ditetapkan pada diskaun yang tinggi berbanding NAV Syarikat.

Memandangkan pelaksanaan itu dilakukan mengikut peraturan, kod dan syarat penyenaian yang lazim, MSWG hanya dapat mencuba untuk meyakinkan pengarah bebas supaya mempertimbangkan semula harga tawaran di peringkat lembaga.

Sementara itu, MSWG menasihatkan pemegang saham minoriti supaya menunggu IAL bagi mendapatkan butiran lanjut mengenai penilaian aset, yang akan membantu mereka dalam membuat keputusan pelaburan termaklum.

Seperti yang dijangka, selepas perbincangan mengenai tawaran Cadangan SCR, Lembaga Pengarah MPHB memutuskan untuk membentangkan resolusi Cadangan SCR bagi pertimbangan dan kelulusan pemegang saham yang tidak berkepentingan. Tidak menghairankan, IA menganggap harga tawaran SCR “tidak wajar” tetapi “munasabah” dan pemegang saham yang tidak berkepentingan dinasihatkan supaya mengundi menyokong tawaran itu.

Malangnya, rejim kawal selia semasa membenarkan tawaran penyahsenaraian yang “tidak wajar” tetapi “munasabah” ini dibentangkan untuk pertimbangan pemegang saham. Pemegang saham yang tidak berkepentingan sering dinasihatkan oleh IA untuk menerima tawaran itu walaupun berlaku ketidakadilan. Pemegang saham utama boleh

menggunakan mekanisme sedemikian untuk menswastakan PLC pada harga yang rendah sewaktu kemelesetan pasaran.

MSWG menyokong semua tawaran penyahsenaraian secara sukarela sekiranya ia “wajar” dan “munasabah” sebelum dibentangkan untuk pertimbangan pemegang saham yang tidak berkepentingan. Tindakan ini sejajar dengan peraturan penyahsenaraian secara sukarela rakan serantau seperti Singapura, yang mana pembuat tawaran perlu mencadangkan harga tawaran yang saksama, iaitu yang setara atau melebihi nilai saksama yang dianggarkan. Oleh yang demikian, ia dapat menjajarkan kepentingan pemegang saham minoriti dengan kepentingan pembuat tawaran. Pengawal selia perlu meneliti isu ini bagi meningkatkan lagi perlindungan terhadap pemegang saham minoriti.

MSWG telah menyaksikan banyak kes penswastaan sejak penubuhannya. Kami amat memahami kekecewaan pemegang saham minoriti, terutama mereka yang mengalami kerugian akibat tawaran keluar yang tidak adil dan mereka yang melihat Pembuat Tawaran menjadikan syarikat sebagai syarikat persendirian secara murah dengan harga tawaran yang jauh lebih rendah berbanding nilai saksama yang dianggarkan.

Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa terdapat pemegang saham minoriti yang mungkin telah melabur pada harga yang jauh lebih rendah dan mengambil peluang ini untuk mendapatkan kembali wang mereka.

Oleh itu, setiap pemegang saham minoriti akan memutuskan sama ada untuk menerima atau menolak tawaran tersebut. Seperti biasa, pemegang saham minoriti perlu membuat keputusan pelaburan yang termaklum berdasarkan kesanggupan mereka menanggung risiko.

Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 2 hingga 6 September 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my.

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
03.09.24 (Selasa) 09.00 pagi	Resintech Berhad (AGM)	<p>Tahun kewangan 2024 ialah tahun pemecah rekod untuk Resintech, apabila pendapatannya melepasi ambang RM100 juta. Pendapatan syarikat adalah 17.85% lebih tinggi daripada RM89.98 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.</p> <p>Pada masa sama, keuntungan bersihnya melonjak lima kali ganda kepada RM6.02 juta, berbanding RM1.00 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan yang ketara dalam margin keuntungan disumbangkan oleh peningkatan produktiviti serta proses yang diperkemas.</p>
04.09.24 (Rabu) 09.00 pagi	XL Holdings Berhad (EGM)	<p>XL Holdings berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk resolusi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• Cadangan Terbitan Saham Bonus yang melibatkan penerbitan sehingga 124,567,920 Saham Bonus berdasarkan 2 Saham Bonus untuk setiap 5 Saham XLHB sedia ada yang dipegang.• Cadangan Terbitan Bonus Waran yang melibatkan penerbitan sehingga 217,993,860 Waran, berdasarkan 1 Waran untuk setiap 2 Saham XLHB sedia ada yang dipegang.

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
04.09.24 (Rabu) 10.30 pagi	Microlink Solutions Berhad (AGM)	<p>Microlink mencatatkan prestasi barisan atas yang lebih baik pada tahun kewangan 2024 dengan peningkatan 13.22% tahun ke tahun dalam pendapatan kepada RM281.29 juta.</p> <p>Secara keseluruhan, pelbagai segmen operasi Microlink mencatatkan prestasi pendapatan yang bercampur-campur pada tahun tersebut. Pendapatan daripada segmen Perkhidmatan Kewangan dan Penyelesaian Perusahaan masing-masing merosot sebanyak 33.34% dan 4.57%. Sementara itu, pendapatan daripada Perkhidmatan Pengedaran dan Penyampaian Penyelesaian masing-masing menyaksikan lonjakan sebanyak 41.19% dan 77.58% tahun ke tahun.</p> <p>Di sebalik peningkatan ini, Syarikat bertukar rugi dengan kerugian sebelum cukai sebanyak RM24.89 juta, berbanding keuntungan sebanyak RM31.92 juta pada tahun sebelumnya, hasil daripada margin yang rendah serta pemenuhan projek.</p>
04.09.24 (Rabu) 10.30 pagi	Green Packet Berhad (EGM)	<p>Syarikat bercadang untuk melaksanakan penempatan persendirian, dengan menerbitkan 598.48 juta saham baharu, yang mewakili kira-kira 30% daripada jumlah saham terbitan pada harga RM0.032 sesaham.</p> <p>Syarikat menjangka dapat mengumpulkan hasil kasar kira-kira RM19.15 juta, yang akan digunakan untuk membiayai projek usaha sama di Sri Lanka, perniagaan peminjaman wang dan modal kerja.</p>
05.09.24 (Khamis) 11.00 pagi	BLD Plantation Bhd (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2024 adalah 30.77% lebih rendah tahun ke tahun iaitu RM1.71 bilion (tahun kewangan 2023: RM2.47 bilion) terutamanya disebabkan oleh volum</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>jualan dan purata harga jualan produk yang lebih rendah.</p> <p>Bagaimanapun, peningkatan dalam pendapatan kewangan dan pendapatan lain, serta perbelanjaan operasi yang lebih rendah dapat mengurangkan kesan daripada penurunan dalam hasil.</p> <p>Oleh itu, keuntungan bersihnya merosot sedikit kepada RM43.1 juta daripada RM43.9 juta tahun pada sebelumnya.</p>
05.09.24 (Khamis) 03.00 petang	Tasco Berhad (AGM)	<p>Tasco mencatatkan pendapatan yang lebih rendah pada tahun kewangan 2024 berjumlah RM1.07 bilion, menyusut 32% atau RM534.1 juta berbanding pendapatan berjumlah RM1.61 bilion pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Seiring dengan perubahan landskap operasi, kadar penghantaran barang yang tinggi yang dialami semasa wabak COVID-19 telah berkurangan dan ini memberi kesan terhadap hasil syarikat logistik.</p> <p>Sehubungan itu, keuntungan bersihnya merosot sebanyak 29.8% atau RM27.5 juta kepada RM64.8 juta (29.8%) daripada RM92.3 juta pada tahun sebelumnya.</p>
06.09.24 (Jumaat) 09.30 pagi	Hartalega Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Hartalega menyusut sebanyak 24% tahun ke tahun kepada RM1.83 bilion pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM2.41 bilion) berikutan penurunan dalam volum jualan dan purata harga jualan di tengah-tengah persaingan pasaran yang sengit.</p> <p>Namun begitu, Hartalega berjaya memperoleh keuntungan bersih sebanyak RM19 juta pada tahun kewangan 2024 berbanding kerugian bersih sebanyak RM239 juta pada tahun lepas. Pada tahun lepas juga, Hartalega telah terkesan oleh</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		rosot nilai tidak berulang sebanyak RM347 juta yang berpunca daripada penyahtauliah kemudahan syarikat di Bestari Jaya.
06.09.24 (Jumaat) 11.00 pagi	Oversea Enterprise Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan untuk tahun kewangan 2024 meningkat kepada RM70.67 juta (tahun kewangan 2023: RM56.19 juta) terutamanya disumbangkan oleh hasil daripada cawangan baharu.</p> <p>Sementara itu, Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM5.82 juta (tahun kewangan berakhir 2023: kerugian sebelum cukai sebanyak RM1.50 juta) disebabkan oleh keuntungan daripada pengambilalihan sebuah syarikat subsidiari.</p>
06.09.24 (Jumaat) 11.00 pagi	FCW Holdings Berhad (AGM)	<p>FCW menukar akhir tahun kewangannya dari 30 Jun kepada 31 Mac pada tahun kewangan sebelum ini. Tahun kewangan 2024 merangkumi tempoh pelaporan 12 bulan, berbanding tempoh pelaporan sembilan bulan untuk tempoh kewangan berakhir 31 Mac 2023.</p> <p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM28.49 juta pada tahun kewangan 2024. Sebaliknya, pendapatan Kumpulan pada tempoh kewangan berakhir 2023 berjumlah RM21.62 juta.</p> <p>Sementara itu, keuntungan sebelum cukainya berjumlah RM24.09 juta pada tahun kewangan 2024 berbanding dengan RM21.04 juta pada tempoh kewangan berakhir 2023.</p>
06.09.24 (Jumaat) 11.00 pagi	Kim Loong Resources Berhad (EGM)	Kim Loong telah mencadangkan penubuhan skim opsyen saham pekerja (<i>Employees' Share Option Scheme, ESOS</i>) sehingga 10% daripada saham terbitannya kepada pengarah eksekutif (<i>executive</i>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p><i>director</i>, ED) dan eksekutif Kumpulan yang layak.</p> <p>Kumpulan juga mencadangkan peruntukan ESOS kepada empat ED yang berkepentingan serta tiga eksekutif yang layak yang berkaitan dengan ED yang berkepentingan. Cadangan itu dijangka selesai pada separuh kedua 2024.</p>
06.09.24 (Jumaat) 02.00 petang	Crescendo Corporation Berhad (EGM)	<p>Syarikat mencadangkan resolusi berikut dalam EGM ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan Pelupusan oleh Panoramic Industrial Development Sdn Bhd yang melibatkan sebidang tanah perindustrian kosong yang terletak di Mukim Pulau, Daerah Johor Bahru, Negeri Johor dengan harga RM115.88 juta. • Cadangan Pecahan Saham yang melibatkan pemecahan setiap 1 Saham Biasa yang sedia ada dalam CCB kepada 3 Saham yang Dipecahkan. • Cadangan Penubuhan Skim Opsyen Saham Eksekutif (<i>Executives' Share Option Scheme</i>, ESOS) sehingga 10% daripada jumlah bilangan saham terbitan Syarikat pada bila-bila masa sepanjang tempoh ESOS untuk diberikan kepada Pengarah Eksekutif dan Eksekutif CCB serta anak syarikatnya yang Layak. (Cadangan ESOS) • Cadangan Peruntukan Opsyen kepada Pengarah Eksekutif yang Layak dan orang yang berkaitan dengan Pengarah Eksekutif yang Layak menurut Cadangan ESOS

Perkara Penting:

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
Resintech Berhad (AGM)	<p>Resintech melaporkan prestasi kewangan yang memecahkan rekod pada tahun kewangan 2024 dengan pendapatan dan keuntungan bersih masing-masing berjumlah RM106.04 juta (tahun kewangan 2023: RM89.98 juta) dan RM6.02 juta (tahun kewangan 2023: RM1 juta).</p> <p>a. Margin keuntungan bersih meningkat kepada 5.68% daripada 1.1% pada tahun kewangan 2023, sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan produktiviti serta proses yang diperkemas (Halaman 7, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Apakah penambahbaikan yang dibuat terhadap proses pengeluaran yang menghasilkan peningkatan ketara dalam margin keuntungan? Berapa banyak yang dilaburkan oleh Kumpulan untuk meningkatkan prestasi kilang dan mesin? Adakah margin keuntungan yang dipertingkatkan itu mampan? Sila jelaskan dengan contoh dan hasil yang boleh diukur daripada penambahbaikan yang dibuat untuk meningkatkan produktiviti secara keseluruhan.</p> <p>b. Sementara itu, permintaan yang semakin meningkat untuk paip, didorong oleh ledakan pusat data dan keperluan untuk menaik taraf infrastruktur air, membuka peluang yang besar untuk Resintech (Halaman 7, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Ledakan pembangunan pusat data di beberapa negeri di Malaysia menimbulkan kebimbangan berhubung kecukupan bekalan air. Oleh yang demikian, pengendali bekalan air negeri seperti Air Selangor sedang menggiatkan inisiatif penggantian paip bagi meningkatkan margin rizab air.</p> <p>i. Apakah kerja-kerja infrastruktur air utama di peringkat negeri yang perlu diambil perhatian oleh pemegang saham? Dalam kalangan inisiatif ini, negeri manakah yang menawarkan prospek dan peluang yang lebih cerah untuk Resintech?</p>

	<p>ii. Apakah saiz jumlah pasaran tersedia yang boleh diservis mengikut nilai untuk Resintech? Sila kongsikan unjuran pertumbuhan pendapatan Syarikat dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.</p> <p>iii. Apakah kelebihan daya saing Resintech berbanding syarikat penyedia lain?</p> <p>c. Kali terakhir Resintech mengisytiharkan dividen adalah pada tahun kewangan 2022 apabila Syarikat mengisytiharkan dividen berjumlah 2.5 sen atas keuntungan bersih RM5.11 juta.</p> <p>Walaupun terdapat peningkatan dalam keuntungan dan aliran tunai operasi pada tahun kewangan 2024, (sebanyak RM22.16 juta berbanding -RM4.75 juta pada tahun kewangan 2023) mengapakah Resintech tidak mengisytiharkan sebarang dividen pada tahun tersebut?</p> <p>d. Apakah matlamat utama yang ingin dicapai oleh Resintech pada tahun kewangan 2025?</p>
<p>Microlink Solutions Berhad (AGM)</p>	<p>1. Kumpulan merekodkan kerugian rosot nilai sebanyak RM11.3 juta ke atas penghutang perdagangan, jauh lebih tinggi berbanding dengan RM389,178 yang direkodkan pada tahun kewangan 2023 (Halaman 17, Laporan Tahunan 2024 Jilid 2).</p> <p>a. Apakah faktor yang menyumbang kepada peningkatan ketara dalam kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan?</p> <p>b. Apakah tindakan yang diambil untuk mendapatkan semula jumlah yang dirosot nilai?</p> <p>c. Apakah kebarangkalian untuk mendapatkan semula jumlah dirosot nilai?</p> <p>d. Setakat ini, berapakah jumlah penghutang perdagangan yang dirosot nilai telah berjaya dipulihkan?</p> <p>2. Penghutang perdagangan Kumpulan yang telah melepasi tempoh lebih dari 60 hari meningkat</p>

	<p>dengan ketara kepada RM62.8 juta pada tahun kewangan berakhir 2024 daripada RM19.9 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 (halaman 48, Laporan Tahunan 2024 Jilid 2).</p> <p>a. Apakah kesukaran yang dihadapi oleh Kumpulan untuk mendapatkan semula penghutang perdagangan yang melepasi tempoh lebih dari 60 hari, lebih-lebih lagi dengan peningkatan yang ketara dalam jumlah tertunggak?</p> <p>b. Apakah profil pelanggan Kumpulan yang terangkum dalam penghutang perdagangan yang melepasi tempoh lebih dari 60 hari pada tahun kewangan berakhir 2023?</p> <p>c. Berapakah jumlah tertunggak yang berjaya dikutip oleh Kumpulan sehingga kini?</p>
--	---

<p>Green Packet Berhad (EGM)</p>	<p>“Susulan kejayaan pembangunan dan pelaksanaan Projek, TTISB berhak ke atas pendapatan yang dijana daripada Projek tersebut, dan TTISB dan KIPLEPAY bersetuju untuk memutuskan bahagian perkongsian pendapatan pada tarikh yang akan ditentukan kemudian.” (Halaman 2, pengumuman bertarikh 20 Februari 2024 yang berkaitan dengan perjanjian usaha sama yang tidak diperbadankan)</p> <p>“Mengikut Perjanjian Usahasama yang Tidak Diperbadankan (<i>Unincorporated Joint Venture Agreement, UJVA</i>) yang tertakluk pada pelaksanaan perjanjian usaha sama terperinci dalam masa terdekat.” (Halaman 13 Pekeliling)</p> <p>Seperti yang dinyatakan dalam UJVA, Kiplepay hendaklah menyumbangkan modal kerja permulaan berjumlah sehingga RM13.00 juta (Halaman 14 Pekeliling).</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Siapakah pengarah dan pemegang saham TTISB? b. Apakah peranan TTISB dalam projek ini dan sumbangan dananya berhubung dengan Projek tersebut? Selain itu, mengapakah hanya Kiplepay yang dikehendaki membuat sumbangan modal awal berjumlah sehingga RM13.00 juta? c. Apakah asas yang digunakan untuk mendapatkan modal pusingan awal berjumlah RM13.00 juta? d. Bagaimanakah Syarikat merancang untuk menguatkuasakan hak dan kelayakan Kiplepay di bawah perjanjian usaha sama yang tidak diperbadankan ini? Apakah kriteria untuk menentukan bahagian perkongsian pendapatan dalam kalangan pihak yang terlibat dalam UJVA ini?
<p>BLD Plantation Bhd (AGM)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pada masa ini, Datuk Haji Hamden bin Haji Ahmad, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (<i>independent non-executive director, INED</i>) BLDP yang dilantik pada 4 Februari 2004 kemudiannya meletak jawatan pada 3 Julai 2007 dan dilantik semula pada 3 September 2007 (Halaman 8, Laporan Tahunan 2024) telah berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah selama 20 tahun 7 bulan. Di bawah Resolusi 7 dan 11, beliau mencadangkan untuk pelantikan semula dan

	<p>dikekalkan untuk terus memegang peranan sebagai INED Syarikat.</p> <p>Bursa Malaysia telah meminda Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama bagi mengehendkan tempoh jawatan pengarah bebas kepada tidak lebih dari tempoh kumulatif 12 tahun dalam penerbit tersenarai atau mana-mana syarikat berkaitan dari tarikh pelantikan pertamanya sebagai pengarah bebas (Sila rujuk Bab 1 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia)</p> <p>Kesinambungan pemegangan jawatan Datuk Haji Hamden bin Haji Ahmad sebagai INED BLDP adalah melanggar Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia. Memandangkan MSWG telah pun membangkitkan isu ini sewaktu AGM pada tahun lepas dan setahun sudah pun berlalu, apakah cabaran yang dihadapi oleh Lembaga Pengarah dalam mengenal pasti dan menerima ahli lembaga baru?</p> <p>2. Berdasarkan jawapan BLD kepada soalan MSWG yang dibangkitkan sewaktu AGM dalam surat pada tahun 2021, 2022 dan 2023 sebelum ini, Syarikat maklum akan ulasan MSWG dan tidak berhasrat untuk mendedahkan imbuhan pengarah berdasarkan nama atas sebab kerahsiaan dan keselamatan.</p> <p>Tindakan Syarikat yang masih tidak mendedahkan imbuhan pengarah berdasarkan nama dalam Laporan Tahunan 2024 adalah melanggar Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia. Pendedahan yang dibuat di halaman 14 Laporan Tahunan 2024 tidak memenuhi syarat pendedahan di bawah Lampiran 9C Kandungan Laporan Tahunan, Bahagian A (11) Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia.</p>
Tasco Berhad (AGM)	Apabila landskap operasi berubah, kadar penghantaran barang yang tinggi yang dialami sewaktu pandemik COVID-19 berkurangan, memberi kesan terhadap pendapatan syarikat logistik. Dalam negara, pemain industri terpaksa berhadapan dengan cabaran seperti kekurangan pekerja, peningkatan kos buruh dan kos overhead serta kadar cukai

	<p>jualan dan perkhidmatan yang lebih tinggi (halaman 11, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a. Apakah prospek untuk kadar penghantaran barang pada tahun kewangan 2025 dan tahun kewangan 2026?</p> <p>b. Bagaimanakah TASCOS mengurus cabaran kekurangan pekerja, peningkatan kos buruh dan kos overhead yang lebih tinggi?</p>
<p>Hartalega Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Menjelang akhir tahun, keadaan permintaan pasaran mula menunjukkan tanda-tanda awal terdapatnya peningkatan (Halaman 15, Laporan Tahunan Bersepadu 2024). Kumpulan melaporkan pendapatan suku tahunan sebanyak RM583.8 juta pada suku pertama tahun kewangan 2025, menandakan pendapatan tertinggi dalam tujuh suku tahun terakhir sebelum ini. Margin keuntungan bersih adalah sebanyak 5.5% pada suku pertama tahun kewangan 2025, turut melepasi keputusan setahun penuh sebanyak 1.1% pada tahun kewangan 2024.</p> <p>a. Susulan keadaan pasaran yang bertambah baik, adakah Kumpulan menjangkakan volum jualan pada tahun kewangan 2025 akan kembali ke tahap prapandemik?</p> <p>b. Apakah purata harga jualan (<i>average selling price</i>, ASP) semasa untuk sarung tangan Kumpulan? Adakah pihak pengurusan percaya bahawa pengeluar sarung tangan di Malaysia kini berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menetapkan harga yang lebih tinggi serta mendapatkan semula bahagian pasaran?</p>
<p>Oversea Enterprise Berhad (AGM)</p>	<p>Pada 29 Ogos 2023, Oversea Training Academy Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Kumpulan, telah memeterai Perjanjian Jualan Saham dengan Ong Kah Hoe dan Nicholas Wong Yew Khid untuk memperoleh 100% kepentingan ekuiti dalam Nexus Excellent Sdn Bhd ("Nexus") dengan jumlah balasan sebanyak RM13,750,000.</p> <p>a. Apakah sumbangan Nexus kepada keuntungan Kumpulan untuk tahun kewangan berakhir 2024?</p>

	<p>b. Sila jelaskan aktiviti utama Nexus yang terkini. Dalam pengumuman bertarikh 30 Ogos 2023, telah dinyatakan bahawa aktiviti utama Nexus adalah terlibat dalam menjalankan perniagaan restoran, kedai makanan segera, hiburan dan rancangan muzik. Bagaimanapun, dalam Laporan Tahunan 2024, dinyatakan bahawa Nexus terlibat dalam penyewaan dan pengurusan hartanah komersil.</p> <p>c. Bagaimanakah pemerolehan Nexus sejajar dengan rancangan pengembangan Kumpulan untuk terus meneroka perniagaan makanan dan minuman?</p> <p>a)</p>
<p>FCW Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mengalami peningkatan sebanyak 32% dalam pendapatan untuk tahun kewangan berakhir 2024, berbanding tahun kewangan berakhir 2023, daripada RM21.62 juta kepada RM28.49 juta. Keuntungan sebelum cukai juga meningkat daripada RM21.04 juta pada tahun kewangan sebelumnya kepada RM24.09 juta pada tahun kewangan berakhir 2024. Peningkatan keuntungan ini boleh dikaitkan dengan perubahan akhir tahun kewangan pada tahun sebelumnya (Halaman 17, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Keuntungan sebelum cukai FCW pada tahun kewangan berakhir 2024 sebahagian besarnya berpunca daripada bahagian hasil usaha sama, selepas ditolak cukai, yang berjumlah RM22.82 juta. Sebelum mengambil kira bahagian hasil usaha sama, FCW mencatatkan kerugian operasi sebanyak RM1.46 juta pada tahun kewangan berakhir 2024 (tempoh kewangan 9 bulan berakhir 2023: Kerugian operasi sebanyak RM0.67 juta) (Halaman 72, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Bagaimanakah Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan berhasrat untuk menangani kerugian operasi ini? Apakah langkah yang diambil oleh pengurusan kanan untuk memacu operasi ke arah keuntungan?</p>